

F// MALAM JASAMU DIKENANG

Bagi menghargai sumbangan serta sokongan padu yang telah diberikan kepada KUKUM melalui aktiviti yang dijalankan di peringkat universiti, satu Majlis Makan Malam ëJasa Mu Di Kenangí khusus untuk meraikan Dato' Abd. Halim Abd. Hamid, bekas Ketua Polis Perlis dan Lt. Kol. (B) Mahyuddin Bin Haji Abd Razak, Timbalan Komander Rejimen 504 Askar Watahniah, Bukit Keteri telah diadakan pada 29 Ogos lalu bertempat di Hotel Putra Palace. DYMM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah telah berkenan mencemar duli berangkat ke majlis yang penuh nostalgia tersebut. Dato' Abd Halim akan bertukar ke Balai Polis Bukit Aman, Kuala Lumpur manakala Lt. Kol. Mahyuddin pula akan bersara dari perkhidmatan awam.